

NAMA PROGRAM : 24th FIRA ROBOWORLD Cup 2019

TARIKH : 8 – 16 OGOS 2019

LOKASI : CHANGWON, KOREA SELATAN

Kejohanan FIRA (*The Federation of International Robot-Sport Association*) Roboworld Cup merupakan satu kejohanan robotik di peringkat antarabangsa yang diadakan setiap tahun. Kejohanan ini telah memasuki edisi ke-24 sejak penganjuran kali pertama pada tahun 1996. Kejohanan 24th FIRA Roboworld Cup and Summit 2019 mempertandingkan 5 kategori utama iaitu *Humanoid Robot World Cup (HuroCup)*, *Android Soccer Tournament (AndroSot)*, *Robo Soccer Tournament (RoboSot)*, *Simulation Robo Soccer Tournament (SimuroSot)* dan Fira-Air. Pasukan Malaysia telah diwakili oleh 7 buah politeknik yang telah dipilih melalui kejohanan 12th FIRA Malaysia Cup 2019 peringkat kebangsaan yang telah dijalankan pada 28 April hingga 3 Mei 2019. Politeknik yang terlibat adalah Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Politeknik Port Dickson (PPD), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Politeknik Kota Kinabalu (PKK) dan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). Dalam Kejohanan peringkat antarabangsa tersebut, pasukan Malaysia telah membawa pulang 3 pingat emas, 1 pingat perak dan 4 pingat gangsa.



Pencapaian pasukan Malaysia dalam kejohanan 24th FIRA Roboworld Cup and Summit 2019, Changwon, Korea Selatan

Gambar-gambar sekitar kejohanan.



Bersedia beraksi untuk kategori ROBOSOT



Pelajar dan pensyarah bergabung tenaga menggalas cabaran untuk acara Marathon bagi kategori HUROCUP



Aksi pasukan Malaysia dalam acara *Spartan Race* bagi kategori HUROCUP



Liputan siaran langsung di Astro Awani



Bersama penyampai Astro Awani selepas bersiaran langsung



Sesi bersama YB Menteri Pendidikan dalam program Flag-Off pasukan Malaysia ke kejohanan 24th FIRA Roboworld Cup 2019